

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
25 JANUARI 2013**

---

**1. UCAPAN TAHNIAH DAN TERIMA KASIH KEPADA AHLI MAJLIS**

Sempena dengan Majlis Penuh yang pertama pada tahun 2013 ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada 22 orang Ahli Majlis MPSP yang telah disambung sebagai Ahli Majlis MPSP dan juga 2 orang Ahli Majlis MPSP yang baru yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Tidak lupa juga, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MPSP yang telah banyak memberikan pendapat dan sumbangan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan MPSP kepada orang ramai.

**2. MAJLIS PELANCARAN PENGUMPULAN PERALATAN ELETRIK TERPAKAI DAN PEMBUNGKUS POLISTRINA**

Dimaklumkan bahawa Majlis Pelancaran Pengumpulan Peralatan Eletrik Terpakai dan Pembungkus Polistrina anjuran MPSP bersama Radio Traders Association of Penang akan diadakan pada 26 Januari 2013 (Sabtu) jam 10:00 pagi bertempat di Ruang Lobi MPSP.

Justeru, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk hadir ke program tersebut bagi memeriahkan lagi majlis tersebut.

### **3. SAMBUTAN HARI THAIPUSAM**

Kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Thaipusam kepada semua pengikut Hindu yang akan diraikan pada 27 Januari 2013. Oleh kerana cuti Hari Thaipusam jatuh pada hari Ahad, maka hari Isnin adalah merupakan hari kelepasan am.

### **4. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa Program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan pada hari Ahad, 3 Februari 2013 dan juga di Taman Tunku, Seberang Jaya pada hari Ahad, 17 Februari 2013. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti sihat kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi bagi kedua-dua lokasi.

## **5. MAJLIS CABUTAN PEMENANG PROMOSI BAYARAN CUKAI SETAHUN 2013 PADA DISEMBER 2012**

Program promosi bayaran cukai setahun 2013 pada Disember 2012 telah berjaya menarik perhatian seramai 24,348 pemilik premis. Kutipan yang diperolehi MPSP adalah sebanyak RM 20,720,507.49 berbanding dengan sasaran RM 16 juta. Untuk makluman semua, promosi bayaran cukai setahun 2012 yang lalu adalah sebanyak RM 15,571,277.89 yang melibatkan 21,495 pemilik premis. Melalui promosi bayaran cukai setahun, dapat dilihat terdapat peningkatan kutipan sebanyak RM 5,149,229.40 dan penyertaan seramai 2,853 pemilik premis.

Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa Majlis Cabutan Pemenang Promosi Bayaran Cukai Setahun 2013 pada Disember 2013 yang lalu akan diadakan pada hari ini selepas Mesyuarat Majlis Penuh di mana seramai 24,348 pemilik premis layak menyertai cabutan bertuah ini. Majlis Cabutan ini akan membuat 77 cabutan pemenang, manakala pada 26 Februari 2013 (Selasa) akan datang, Majlis Cabutan dan Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah akan diadakan di mana semua pemenang yang bertuah diminta untuk hadir bersama bagi cabutan hadiah yang akan diperolehi.

Hadiah-hadiah yang telah disediakan adalah 1 unit Samsung Galaxy Note 2, 3 unit Ipad with Retina Display, 2 unit Samsung Tab 7.0, 2 unit Notebook, 2 unit LED TV 32" dan 67 unit barang elektrik, kamera dan smartphone.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**